

GAMAL NASIR

Pentas  
Dunia



## Apabila kita jadi pahat dengan penukul

ORANG Melayu memang kaya dengan peribahasa, simpulan bahasa dan bidalan. Bagi mereka yang bijak menggunakan warisan budaya bangsa ini, kata-kata (atau tulisan mereka) "seperti lebah, mulut membawa madu, ekor menyembunyi sengat." Bahasanya baik, tetapi maksudnya pedas.

Menyentuh budaya orang Melayu khususnya, orang Malaysia amnya, kita juga kaya dengan sikap "seperti pahat dengan penukul". Banyak daripada kita 'kena ketuk dulu baru jalan'. Terdapat banyak contoh yang membuktikan betapa sikap tersebut begitu mendalam dan menebal di kalangan umum.

Dan di dalam kesemua contoh itu, Perdana Menteri lah yang menjadi penukulnya. Tanpa 'ketukan' beliau dari semasa ke semasa, pastinya 'pahat-pahat' tidak berjalan. Malangnya, Perdana Menteri perlu sentiasa 'mengetuk' demi memastikan 'pahat-pahat' berkerja supaya mereka tidak menjadi "seperti ayam dara bertelur"; sehari buat sehari tidak.

Tahun ini sahaja — yang baru memasuki bulan ketiga — Dr. Mahathir Mohamad menghayun 'penukul'nya beberapa kali. Banyaklah yang jadi "seperti katak kena sembur"; terkulat-kulat, dan tidak kurang yang jadi "seperti harimau beranak muda"; naik bengis.

Pada awal Januari lalu, beliau kecewa dengan pelaksanaan projek landasan berkembar KTM Berhad yang bernilai RM1.5 bilion kerana gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Akibatnya, kereta api komuter elektrik KTM yang sepatutnya beroperasi awal tahun ini terpaksa ditangguh. Dan "seperti biasa"; kelazimannya, 'pahat-pahat' pun bergerak.

Ada yang mahu pihak-pihak bertanggungjawab meletakkan jawatan. Ada pula yang berjanji untuk meletakkan jawatan jika projek berkenaan gagal disiapkan dalam tempoh baru yang ditetapkan. Biasalah dalam keadaan itu, pelbagai janji, jaminan dan pengakuan yang dibuat "seperti raja dengan menteri" seiya sekata dalam tingkah laku.

Tidak lama kemudian, Perdana Menteri menegur pula stesen TV tempatan kerana banyak menayangkan program-program yang mengandungi unsur seks dan ganas. RTM dan TV3 serta Metrovision turut terpanggil dengan saranan itu. Dan "seperti mentimun dengan durian" orang lemah melawan orang berkuasa, stesen-stesen TV perlu akur.

### Mengeruhkan suasana

Serentak itu, panduan tayangan berasaskan kriteria VHS-C (ganas, tahyul, seks dan bertentangan) dikeluarkan bagi dipatuhi oleh semua badan peredaran. Namun, usaha-usaha membersihkan dan menjernihkan TV tempatan oleh pihak-pihak bertanggungjawab nampaknya lebih berupa "seperti harimau menunjukkan belang" menunjukkan kebesaran dan kekuasaan, yang hanya mengeruhkan suasana.

Dan baru-baru ini, Perdana Menteri mahu pendekatan yang lebih drastik diambil membersihkan imej ibu negara sebagai nadi pembangunan negara. Beliau mahu Kuala Lumpur bersih daripada penagihan dadah, pelacuran dan peleseran. "Seperti bertih direndang"; berdetus-detas tanpa henti, banyak yang mengeluarkan pendapat dan pandangan.

Sewajarnya kita tidak perlu menunggu *queue* Dr. Mahathir untuk membersihkan imej KL. Tetapi itulah yang berlaku. Banyak daripada masalah yang dihadapi oleh para penghuni KL boleh diatasi tanpa menantikan apa-apa arahan daripada pihak atasan. "Seperti orang mati, jikalau tiada orang mengangkat, bilakah bergerak"; selalu mengharapkan pertolongan orang lain, *queue* PM itu dinanti-nantikan.

Paling terbaru, Dr. Mahathir membidas sikap sesetengah pemandu yang tidak berhemah kerana menghentikan kereta di dalam petak kuning dan suka memotong *queue* sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas di ibu kota. Ini bukanlah kali pertama soal sikap pemandu jalan raya diungkit, tetapi "seperti hendak meluruskan ekor beruk"; sukar menasihatkan orang degil, sikap tidak berdisiplin tidak berubah.

Ekoran itu, pihak polis mengarahkan kompaun maksimum dikenakan terhadap pesalah-pesalah jalan raya. Cadangan juga dibuat untuk menambah had kompaun maksimum dari RM300 kepada RM600. Tetapi dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas Kuala Lumpur itu, kita perlu berhati-hati "seperti menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan selera"; adil dalam penyelesaian.

Sepatutnyalah kita semua menukar sikap "seperti pahat dengan penukul" itu kepada "seperti kunyit dengan kapur"; lekas mendapatkan keputusan. Kita harus bekerja bersama dengan Perdana Menteri "seperti paruh dengan kepak"; dua kumpulan yang berlainan tetapi sentiasa bekerjasama.

Jika kita gagal mengubah sikap, dikhuatiri sikap "seperti pahat dan penukul" itu akan menjadi sebat "seperti orang memakan candu, dengan candu sampai mati"; sesuatu yang sudah menjadi lazim amat sukar ditinggalkan. Baiklah kita beringat sebelum terlambat "seperti kaduk kena air tahi"; orang yang tidak berguna tetapi panjang umur.

Di pentas dunia, kita harus tahu membezakan perkataan yang baik daripada yang buruk "seperti memerah nyiru, santan diambil, hampas dibuang". Selamat Hari Raya dan maaf zahir batin.

■Gamal Nasir Mohd. Ali ialah Ketua Meja Rencana Utusan.